

TRAGEDI HOSPITAL TERBAKAR

NORSHIKIN MOHD SALLEH, SHAHIZATUL FARHA S ROSLI, SITI NOOR SEPEE, & AZLINA OTHMAN

Enam pesakit wad ICU terkorban

SITUASI cemas dan kelam-kabut di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru, yang terbakar semalam, bertukar pilu apabila polis mengesahkan enam pesakit maut dalam insiden paling buruk pernah berlaku membabitkan hospital awam di negara ini.

Kebakaran dilaporkan bermula di sebuah wad unit rawatan rapi (ICU) di tingkat dua bangunan induk hospital itu, kira-kira jam 9 pagi semalam.

Ketika kejadian, terdapat 294 pesakit dan 193 kakitangan di bangunan berkenaan.

Mangsa meninggal dunia adalah empat pesakit wanita dan dua pesakit lelaki.

Seorang berjaya diselamatkan di situ, namun dilaporkan melecir 80 peratus.

Berikut adalah laporan lanjut *Sinar Harian*.


JOHOR BAHRU - Enam pesakit yang sedang menjalani rawatan di unit rawatan rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, disahkan maut dalam kebakaran di hospital berkenaan, kira-kira jam 9 pagi semalam.

Ketua Polis Daerah

bermula di wad ICU itu, yang terletak di tingkat dua, bahagian selatan bangunan induk hospital berkenaan.

Menurutnya, ketika kejadian, terdapat 294 pesakit dan 193 kakitangan berada di bangunan tersebut.

"Terdapat tujuh pesakit



Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Sulaiman Salleh berkata, kebakaran dipercayai

dan lapan jururawat di wad ICU ketika kejadian. Seorang pesakit lelaki dapat diselamat-

kan dalam keadaan melecur 80 peratus.

"Mangsa meninggal dunia ialah empat pesakit wanita dan dua lelaki, berusia antara 20 hingga 60 tahun dengan sebahagian daripada mangsa ditemui rentung dalam wad tersebut," katanya.

Semua jururawat yang bertugas di wad ICU berjaya diselamatkan. Tiga daripada mereka sesak nafas akibat

asap tebal.

Siasatan awal mendapati punca kebakaran disebabkan pendawaian. Polis mengesahkan tiada unsur jenayah.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Othman Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 8.56 pagi.

Seramai 160 anggota bomba dengan 10 jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat

Johor Bahru, Tebrau, Kulai dan Johor Jaya dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Kebakaran melibatkan tingkat dua bangunan hospital berkenaan dan berjaya dikawal daripada merebak ke aras lain.

"Anggota bomba berdepan kesukaran mengesan mangsa kerana asap tebal," katanya di sini, semalam.

Penolong Pengarah

Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor, Mohd Rizal Buang menafikan dakwaan laporan yang disebarkan di media sosial mengatakan keseluruhan bahagian selatan bangunan induk terbakar.

"Siasatan awal, hasil maklumat saksi kejadian mengatakan insiden kebakaran itu berpunca dari sebuah bilik rawatan di ICU," katanya.

HOSPITAL SULTANAH AMINAH

- Dibina pada 1939
- Mempunyai kapasiti 989 katil
- Mempunyai 3,350 kakitangan di hospital itu
- Digazet sebagai hospital pakar
- Hospital berdekatan ialah Hospital Sultan Ismail, Hospital Permai dan Hospital Temenggong Sultan Ibrahim Kulai

**sumber laman web rasmi HSA*


Siasatan terperinci kenal pasti punca

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan siasat segera untuk mengenal pasti punca kebakaran Wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan juga akan meningkatkan tahap keselamatan di hospital berkenaan.

"Sedih menerima berita ada yang terkorban dalam kebakaran. Takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban dalam kebakaran Hospital Sultanah Aminah," katanya dalam catatan di laman *Facebook* dan *Twitter* beliau.

Najib juga memaklumkan bahawa polis, Kementerian Kesihatan dan bomba menguruskan keadaan di tempat kejadian. - *Bernama*



Anggota Bomba dan Penyelamat berusaha mengawal kebakaran di tingkat dua wad ICU selatan, HSA, semalam.